

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, October 22, 2018 11:14 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Lawatan Rasmi Sulung Pengerusi LPU Baharu



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

22 OKTOBER 2018 / 13 SAFAR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Seksyen Foto UKK

LAWATAN RASMI SULUNG PENERUSI LPU BAHARU



UUM ONLINE: Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Universiti Utara Malaysia (UUM) yang baharu, Dato' Prof. Dr. Sudin Haron memulakan lawatan rasmi sulung selama dua hari ke UUM semalam.

Beliau yang tiba di UUM kira-kira jam 11:00 pagi disambut Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dan ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti.

Seterusnya Dato' Prof. Dr. Sudin diberikan taklimat universiti oleh Naib Canselor, ketiga-tiga Timbalan Naib Canselor, Pendaftar dan Bendahari di Bilik Mesyuarat Naib Canselor.

Dalam taklimat itu Naib Canselor membentangkan hala tuju dan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mengembalikan kegemilangan UUM untuk menjadi universiti pengurusan terkemuka berdasarkan nilai asas ilmu, budi dan bakti.

"Bagi tujuan ini beberapa langkah telah diambil dengan lebih menitikberatkan aspek aplikasi dan praktikal berbanding akademik dan teoretikal namun pada masa yang sama tidak mengetepikan aspek ranking dan rating. Asas ilmu, budi dan bakti akan terus digarapkan

selaras dengan aspirasi Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu *humanising education*," katanya.

Menurut Naib Canselor antara langkah yang telah dan akan dilaksanakan adalah memperkemaskan Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir (IPDM), menubuhkan kluster bagi memastikan kajian yang bakal dijalankan dapat membantu pembangunan sosioekonomi dan kelestarian masyarakat terutamanya di negeri Kedah, mengadakan kerjasama dengan Universiti terkemuka dunia, meningkatkan perkhidmatan komuniti kepada masyarakat setempat, mewujudkan medan intelektual terbuka dengan menganjurkan debat perdana UUM yang akan dilaksanakan secara berkala dengan menjemput tokoh pemimpin, tokoh politik dan tokoh akademik untuk berbincang dan berbahas seperti diamalkan di Oxford University.

Sementara itu, Dato' Prof. Dr. Sudin berkata beliau menyokong dan mendukung usaha yang dilakukan Naib Canselor dan pihak pengurusan universiti untuk mengembalikan semula kegemilangan UUM.

"Sebagai Pengerusi, saya dan ahli-ahli dalam LPU akan memastikan apa yang dilaksanakan mengikut visi dan misi universiti yang ditetapkan dan menyeru semua pihak untuk terus bekerja bersama-sama untuk memajukan universiti ini," ujarnya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.